

MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

Buletin Taiping

Bandar Pelancungan Warisan



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

DITERBITKAN
SEJAK 1994

EDARAN PERCUMA | JULAI-DISEMBER 2014 | EDISI 14.2.2014

ERAH MEDAN SELERA BERSIH, SELAMAT DAN SIHAT
PEPINGKAT LANGSUNG 2014



Syabas

MPT



*Melawat Taiping Erling
Anda Melawat Malaysia*



Menarik Di Dalam





MAJLIS PERBANDARAN TAIPING



Kandungan

- 02 NOTA EDITOR
- 03 MESEJ YDP



- 04-07 LEMSA YDP
- 06 MPT DAN PROGRAM KOMUNITI
- 09-13 BERITA PROGRAM DAN AKTIVITI SEPANJANG BULAN OGOS-DESEMBER 2014
- 14 TARIKAN TERBARU PAMERAN ZOO TAIPING DAN NIGHT SAFARI
- 15 PAMERAN BARU YANG MEMBABITKAN PANDU LALU SAVANA AFRIKA
- 15 GALERI ANDGERAH KECEMERLANGAN MPT
- 16 ETOS PERKHIDMATANA AWAM
- 17 PROJEK BANDAR SELAMAT TAIPING DILENGKAPI CCTV
- 18 BERITA PENGURUSAN
- 19 BERITA KAKITANGAN
- 20 AHLI MAJLIS MPT DISANA-SINI
- 21 KERANGKA TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM (KPFA)
- 22-23 MPT BERSAMA MEDIA
- 24 BERITA SUKAN

Nota Editor

BUDAYA DAN DISIPLIN TONGAK KEJAYAAN NEGARA MAJU

Pembaca Budiman
Salam Sejahtera
Salam Transformasi

BUDAYA DAN DISIPLIN... merupakan dua perkataan yang seringkali disebut sebagai pra-syarat utama untuk melihat bagaimana corak kehidupan, ketamadunan bangsa yang tinggi. Suasana dan persekitaran yang dicorakkan melambangkan bagaimana sikap dan imej negara itu berada pada tahap yang cemerlang lagi hebat. Kehebatan Negara itu bukan kerana kemajuan yang diusahakan tetapi melihat kepada perilaku budaya dan disiplin rakyat yang tinggi yang dipraktikkan rakyat sehingga mendapat pujian serta menjadi contoh teladan.

Untuk kita kekal berdaya saing kita mestilah bersama-sama berusaha untuk memiliki Budaya dan Disiplin tinggi sepertimana di Negara maju seperti Jepun/ Korea) sebagai model ikutan.

Dari aspek Budaya dan Disiplin tinggi yang diamalkan oleh rakyatnya dapat kita melihat betapa utuh dan kukuhnya prinsip kehidupan mereka menghayati nilai-nilai murni yang dipegangnya itu. Sebagai contohnya disenaraikan lima perkara yang boleh diteladani.

1. Kebersihan.
2. Budaya Ilmu Budaya Membaca.
3. Menepati Dan Menghargai Masa.
4. Disiplin Tinggi Di Tempat Awam.
5. Budaya Menghormati Orang Lain.



Dalam konteks MPT, untuk kita kekal relevan dan berdaya saing sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) maka pengurusan dan wargakerjanya hendaklah membudayakan Tiga Perkara berikut:

Pertama - bekerja dalam satu pasukan

Kedua - melakukan Penambahbaikan Berterusan (Budaya Kaizen)

Ketiga - menghayati budaya pembelajaran sepanjang hayat ataupun menjadi organisasi pembelajaran.

Sebagai kesimpulannya, demikianlah antara ciri-ciri budaya dan disiplin tinggi yang dimiliki oleh masyarakat negara maju yang sewajarnya kita praktikkan di Negara kita yang sedang menuju menjadi sebuah Negara maju berpendapatan tinggi.

Budaya dan Disiplin semestinya menjelma setiap individu rakyat kita, bukannya boleh dibuat-buat secara lakonan. Budaya dan Disiplin perlu diterjemahkan sebagai gaya hidup dan cermin kehidupan yang sentiasa menghiasi diri dan menyinari peribadi sepanjang masa. Sesungguhnya Budaya dan Disiplin merupakan Tonggak Kejayaan Negara Maju.

Selamat Tahun Baru 2015.

KETUA EDITOR
MOHAMAD JAAFAR, PPT.

Sidang Redaksi

PENASIHAT

DATO' ABUL RAHIM BIN MD ARIFF
YANG DIPERTUA, MPT

PENGERUSI

BORHAN ABDUL HALIM, AMP. PPT
SETIAUSAHA PERBANDARAN, MPT

KETUA EDITOR

MOHAMAD JAAFAR, PPT.

EDITOR

MOHD SHAHDAN OTHMAN, PPT., PJK.

URUSETIA

TN. LI ABD. RASHID BIN ABD. HALIM
H.J. NORIZAM BT. SALLEH

H.J. ZAKAH BT. ABD. GHANI
MOHAMMAD AZIZUL BIN ABDUL
MALEK (PELAJAR PELATIH)
AZAD KHAN BIN AZIZ KHAN (PELAJAR
PELATIH)

NURUL HUDA BINTI HADI (PELAJAR PELATIH)
HAFIZAH BINTI AHMAD NOOR (PELAJAR
PELATIH)

PENERBIT

BAHAGIAN HAL EHWAL KOMUNITI & SOSIAL
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
MAJLIS PERBANDARAN TAIPING



Penyelesaian Masalah Secara Berkesan

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
اِنَّ رَحْمَةَ اللّٰهِ لَشَاسِعَةٌ

Alhamdulillah. Segala puji bagi Allah SWT
dan Salam Sejahtera
Salam 1 Malaysia
Salam Perak Aman Jaya

Dalam menentukan kejayaan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan dan kemajuan pembangunan Bandar elemen-elemen sistem nilai, budaya dan falsafah yang didasari oleh wargakerja turut menjadi ukuran penting kecemerlangan organisasi. Justeru, itu persoalan yang penting iaitu 'Penyelesaian Masalah Secara Berkesan' amat mencabar pengurusan. Nilai teras yang menonjolkan keperibadian warga MPT dan pemikiran yang dijelmakan menggambarkan bagaimana sesuatu masalah rakyat itu dapat diselesaikan dengan cara yang paling berkesan demi kepuasan semua pihak dalam suasana 'situasi menang-menang'.

Lantaran itu, mengurus keperluan dan kehendak manusia tidak menjanjikan penyelesaian seratus peratus. Apatah lagi untuk kita memberikan keselesaan dan kesejahteraan penduduk Bandar yang kian bertambah dan semakin mencabar. Oleh itu ingin ditegaskan bahawa sewajarnya pasukan pengurusan menentukan 'program problem solving' yang baik lagi berkesan. Pengurusan dan rakyat semestinya bersikap proaktif dalam tindakan. Jangan hanya membincangkan masalah tanpa ada sikap bertanggungjawab untuk menyelesaikan sesuatu masalah secara kolektif dan berusaha memenangi hati rakyat sebagai jalan penyelesaian terbaik. Setiap masalah mesti ada jalan penyelesaian. Percepatkan permohonan pelanggan, permudahkan urusan rakyat, selesaikan segera sebarang permasalahan. Semuanya dapat diselesaikan melalui rundingan dan berada di lapangan berbincang bersama-sama di meja bulat.

Inisiatif yang diambil, daya usaha yang dibuat mestilah dengan perancangan yang teliti dan rasional serta tindakan yang diambil benar-benar berkesan. Semua perkara ada peraturan dan undang-undang, oleh itu sudah tentu setiap sesuatu yang berbangkit ada jalan penyelesaian untuk jangka pendek mahupun jangka panjang. Kalau semua orang ikut arahan sudah pasti tidak akan berlaku kesilapan mahupun kesalahan dan salah menyalahi antara satu sama lain. Formula penyelesaiannya adalah melalui perundingan berteraskan

undang-undang dan peraturan.

Ingatlah bahawa semua program pembangunan yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk kebaikan kepada rakyat. Biarlah apa yang dirancang dan apa yang dilihat oleh rakyat itu ada faedah dan memberi manfaat. Apa yang baik itu sepatutnya berakhir dengan kebaikan.

Yang penting itu diutamakan dan yang utama itu diberi keutamaan. Apa yang lebih penting ialah penyelesaian yang ditawarkan itu benar-benar berkesan. Biarlah tahap penyampaian perkhidmatan kita pada tahap yang terbaik, tahap yang menggembirakan rakyat. Rakyat hidup selesa, hidup dengan selamat, hidup dengan penuh kualiti. Adalah penting pengurusan terus berwibawa membawa Taiping sebagai Bandar berdaya maju, sejahtera dan mampan menjelang Tahun 2020. Pastikan wargakerja MPT bekerja dengan pendekatan yang terkini untuk menyelesaikan masalah rakyat, bertindak dengan penuh kebijaksanaan dan terus melangkah memajukan Bandar Taiping ke mercu kөгemilangan.

Kesimpulannya ialah bahawa kita mestilah bijak dan sentiasa memberi keutamaan untuk menyelesaikan masalah. Sekiranya kita gagal memberi jawapan kepada masalah berbangkit ataupun masalah itu masih menjadi masalah tanpa penyelesaian yang berkesan maka itu tandanya kelemahan pengurusan dalam menunaikan tanggungjawab yang di amanahkan. Itu juga menandakan kelemahan penguatkuasaan undang-undang.

Sesungguhnya dalam apa jua perkara, bercakap itu memang lebih mudah daripada bertindak. Kadangkala masalah itu dapat diselesaikan dengan cepat tetapi sikap kita yang melambatkannya. Dalam erti kata yang lain bila kita merancang mahupun bila bercakap mestilah dituruti dengan pelan tindakan penyelesaian dalam tempoh yang munasabah dan rasional. Oleh itu laksanakanlah kewajipan dengan penuh bertanggungjawab dan menyelesaikan masalah secara berkesan yang menggambarkan sikap dan imej organisasi perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi yang dekat di hati rakyat.

Sekian Terima Kasih

Dato' Abdul Rahim Bin Md Ariff
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Taiping





SEKITAR JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI



JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI JABATAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN BANDAR, JABATAN BANGUNAN DAN UNIT OSC PADA 12.8.2014 BERTEMPAT DI DEWAN (MPT)



JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI JABATAN KEJURUTERAAN PADA 13 OGOS 2014 BERTEMPAT DI DEWAN (MPT)



JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI JABATAN PERKHIDMATAN BANDAR DAN KESIHATAN PADA 14 OGOS 2014 BERTEMPAT DEWAN (MPT) KG. JAMBU.



JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI JABATAN KEWANGAN DAN JABATAN PENILAIAN PADA 12 OGOS 2014 BERTEMPAT DI PENTHOUSE (WISMA MPT)



JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI DI KEDIAMAN YDP BERSAMA WARGA MPT DAN PENUNTUT DARI RUSIA PADA 45 OGOS 2014 DI KEDIAMAN YDP



LAWATAN PENANDAARASAN KE MPT



LAWATAN MAJLIS DAERAH PENINGKATAN HULU PADA 20 OGOS



LAWATAN MAJLIS PERBANDARAN KULIM PADA 24 NOVEMBER 2014



LAWATAN MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH PADA 17 NOVEMBER 2014



LAWATAN MAJLIS DAERAH ULU SELANGOR PADA 03 NOVEMBER 2014

LAWATAN KERJA KE JEPUN BERSAMA N CIA PADA 11 NOVEMBER 2014





**PROGRAM TURUN PADANG
DATO' YDP, SUP, KETUA
JABATAN DAN AHLI MAJLIS
BERSAMA PENDUDUK**

pada 17 Disember 2014

